

BRIEFING NOTE

Y.BHG. DATO' HAJI ABD. RAHIM BIN MD ARIFF
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
UNTUK MESYUARAT JAWATANKUASA TUJUAM AM
BIL 2/2019 PADA 18 FEBRUARI 2019

- 1.0. LAWATAN KERJA YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN KE TAIPING DAN BATU KURAU**
- YB Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri KPKT telah mengadakan lawatan rasmi ke Taiping dan Batu Kurau pada 17 Februari 2019 dalam rangka lawatan untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin masyarakat serta rakyat. Beliau telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk dalam Sesi Town Hall Kampung Baru Zon Negeri Perak di Dewan Persatuan Perniagaan dan**

Perindustrian Tionghua Perak Utara, Taiping kira-kira jam 2.45 petang. Turut hadir dalam sesi Town Hall ini adalah YB Encik Nga Kor Ming Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat merangkap ADUN Aulong, YB Encik Abdul Yunus Jamahari, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Peladangan Negeri Perak, Encik Mohammad Ridzwan bin Abidin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan, Dr. Mary Wong Lai Lin Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Encik Mohamed Akmal bin Dahalan Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama.

Selepas Sesi Town Hall, YB Menteri telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat dan penduduk setempat di Dewan Astaka Batu Kurau dalam Sesi Minum Petang. Ini adalah merupakan lawatan sulung beliau ke daerah ini sejak dilantik untuk menerajui KPKT.

2.0. LAWATAN KERJA BAZAR CROSS STREET KE HATYAI, THAILAND

Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan MPT dari pelbagai jabatan dan bahagian, termasuk tiga orang peniaga Bazar Cross Street telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Hattyai pada 15 hingga 17 Februari 2019. Lawatan ini adalah satu inisiatif yang digerakkan di bawah Jawatan Kuasa Kerja Bazar Cross Street dengan objektif untuk melihat pelaksanaan dan pengurusan bazar dan kawasan perniagaan berkonsepkan gerai penjaja di Hattyai, yang sememangnya terkenal dengan kaedah perniagaan seperti ini. Di antara lokasi yang dilawati ialah Asean Night Market, Floating Market, Samila Beach di Songkhla, dan banyak lagi. Lawatan ini telah diketuai oleh Encik Syahrulnizam bin Baharum, Pengarah Perancang dan Pembangunan Bandar.

Menerusi lawatan ini beberapa idea yang diperolehi menerusi lawatan ini boleh digarap dan ditambah baik

agar bersesuaian untuk dilaksanakan di Bazar Cross Street Taiping. Satu perjumpaan dan sesi sumbang saran bersama-sama peserta lawatan akan diadakan selepas ini untuk mengumpul maklumat dan mendapatkan pandangan serta idea. Bazar Cross Street yang ditubuhkan pada 15 November 2015 dengan objektif untuk memeriahkan suasana malam di bandar Taiping serta menjadi pusat tumpuan pelancong dan penduduk pada hujung minggu di sepanjang tahun.

3.0. PROGRAM LESTARI KOMUNITI & ALAM SEKITAR PUSAT PEMULIHAN KELIP-KELIP KAMPUNG DEW

MPT telah menyertai dan turut menjayakan Program Lestari Komuniti & Alam Sekitar Pusat Pemulihan Kelip-kelip Kampung Dew anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang telah disempurnakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu pada 10 Februari 2019 (Ahad) yang lalu.

TNB telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5.8 juta untuk penyelidikan dan pembangunan habitat kelip-kelip di seluruh negara bagi tempoh tiga tahun, sejak 2017. Selepas kejayaan pemuliharaan kawasan kelip-kelip di Kampung Kuantan di Selangor, pihak TNB telah memilih tiga lagi kawasan yang mempunyai tarikan yang sama untuk dilaksanakan aktiviti pemuliharaan iaitu di Kampung Dew di Taiping Perak, Sungai Timun Rembau Negeri Sembilan dan Kampung Yak Yah Kemaman Terengganu. MPT telah bersama-sama menjayakan dan memajukan aktiviti kelip-kelip Kampung Dew sejak tahun 2008 menerusi kerjasama dengan NGO dan penduduk setempat. Setelah melihat potensi produk pelancongan ini serta kesungguhan penduduk setempat dalam melestari kawasan ini, MPT telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti mengadakan publisiti, menganjurkan sesi lawatan media, mengadakan sesi pertemuan dan mesyuarat bersama pengusaha dan penduduk serta mengadakan pembangunan infra seperti tempat letak kereta, gerai jualan, suarau dan tandas awam.